

20/07/1999

Masalah ketua eksekutif bank tidak bersikap proaktif

Kadir Dikoh

AMARAN Menteri Kewangan Pertamaa, Tun Daim Zainuddin baru-baru ini bahawa bank yang tidak memberi kerjasama membantu pemulihan ekonomi negara kerana bersikap terlalu berhati-hati memberi pinjaman kepada perniagaan berdaya maju, akan ditutup, sepatutnya membuka mata institusi terbabit.

Ini bukan kali pertama teguran seperti itu diluahkan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri kerap menegur bank supaya membantu menjana pertumbuhan negara melalui pemberian pinjaman kepada sektor produktif.

Kekecewaan Daim seperti diluarkannya pada dialog dengan ketua-ketua eksekutif anjuran Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia (NCCIM) itu, mudah difahami.

Bank harus menerima hakikat bahawa betapa kerajaan bertungkus lumus membantu membebaskan mereka daripada belenggu kegawatan sejak hampir dua tahun lalu seperti mempermodalkan semula bank yang lemah dan mengeluarkan pinjaman tidak berbayar (NPL) - dua unsur bagaikan penyakit barah yang boleh 'membunuh' institusi perbankan jika tidak ditangani segera.

Ini dilakukan kerajaan melalui penubuhan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta) untuk mengambil alih NPL dan Danamodal Nasional Bhd (Danamodal) bagi menyuntik modal ke dalam institusi kewangan yang lemah. Malah, kerajaan turut membentuk Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) sebagai orang tengah untuk menyelesaikan masalah antara peminjam dan bank.

"Bank mesti memberi pinjaman kepada sektor produktif dan projek berdaya maju tetapi ini tidak berlaku. Kita gagal memahami sebabnya...jika inilah berlaku, adalah lebih baik menutupnya memandangkan mereka tidak menyumbang kepada pemulihan negara.

"Sewaktu ekonomi negara baik, bank-bank yang sama memberi pinjaman membabi buta kepada syarikat yang tidak menguntungkan dan projek tidak berdaya maju. Sekarang mereka melakukannya betul-betul bertentangan dan memotong pinjaman walaupun untuk projek berdaya maju...saya mengawasi keadaan secara dekat," kata Daim sambil memuji Citibank (bank asing beroperasi di negara ini) yang masih berupaya memberi pinjaman.

Rasanya sudah tiba masanya rombakan pengurusan bank dilakukan dan mana-mana ketua eksekutif (CEO) yang tidak proaktif kepada usaha pemulihan ekonomi harus dipertanggungjawabkan. Meskipun kerajaan melalui Akta Perbankan dan Institusi Kewangan (Bafia) boleh menarik balik lesen, operasi perbankan itu sendiri dijalankan oleh pihak pengurusan diketuai CEO yang menentukan dasar pemberian pinjaman.

Menurut Laporan Tahunan Bank Negara bagi tahun 1998 yang dikeluarkan Mac lalu, berikutan krisis kewangan serantau berterusan, institusi perbankan yang menghadapi ketidaktentuan ekonomi, mengambil langkah lebih berhati-hati dalam menyalurkan kredit sepanjang 1998.

Bank Pusat itu menyatakan, masalah kekurangan mudah tunai dan pengagihan yang tidak seragam memburukkan lagi keadaan dan akibatnya, pinjaman baru yang sudah diluluskan pada tiga suku pertama 1998 hanya berjumlah RM38.2 bilion atau secara purata sebanyak RM4.2 bilion sebulan.

Jelas menunjukkan bahawa bank masih begitu takut untuk mengeluarkan pinjaman. Mereka bimbang NPL akan meningkat semula. Mereka bimbang 'luka' yang baru sembuh daripada penyakit gawat kembali bernaah. Mereka bimbang orang tidak membayar hutang. Tetapi mereka tidak bimbang apa akan terjadi kepada ekonomi negara kerana dalam keadaan yang semakin pulih sekarang,

banyak sektor utama lain perlu digerakkan, yang hanya boleh dilakukan melalui sumber kewangan mencukupi.

Sememangnya, bank cuma mahu mengaut keuntungan semata-mata dan kelihatan amat sukar sekali untuk bertolak ansur dengan peminjam yang sudah semacam menjadi budaya perbankan. Bank akan cepat menghubungi atau mengirinkan surat peringatan kepada pelanggannya jika kadar faedah naik tetapi begitu lambat sekali bertindak apabila Bank Negara menurunkan kadar faedah.

Pergerakan ekonomi negara akan terbantut jika bank gagal mengeluarkan pinjaman yang diperlukan. Hampir semua sektor penting negara seperti industri pembuatan, perkilangan, projek prasarana dan pelancongan, semuanya memerlukan sumber kewangan untuk digerak. Bank sebagai pengantara adalah pelengkap kepada kitaran ekonomi dan sebarang sekatan di sektor perbankan dari segi pengeluaran pinjaman, akan membantut kitaran itu.

Bank Negara baru-baru ini menetapkan dasar yang menghendaki jawatan CEO bank dikaji dalam setiap dua tahun berdasarkan prestasi mereka. Apakah dasar ini sudah dilaksanakan? Sekarang adalah masa yang paling sesuai untuk melakukan sesuatu yang lebih drastik andainya bank terus tidak menyokong usaha kerajaan.

Harapannya janji kerajaan bahawa pinjaman kini semakin mudah diperolehi tidak hanya berupa janji. Kalau tidak ia akan memberi gambaran seolah-olah kerajaan membuat janji kosong, pada hal pelaksanaannya gagal dijayakan oleh bank sendiri.

Selain itu Persatuan Bank-Bank di Malaysia (ABM) yang turut dianggotai CEO bank juga perlu dipertanggungjawabkan walaupun ia tidak mempunyai kuasa secara langsung untuk campur tangan dalam urusan sesebuah bank. Dikatakan ABM tidak pernah mengeluarkan idea bernas bagaimana industri perbankan boleh membantu kerajaan dan rakyat menangani krisis itu. Kebanyakan idea yang menjurus ke arah itu cuma datang daripada kerajaan, kementerian kewangan dan Bank Negara sendiri.

Bank tidak sepatutnya bersikap seperti budak mengigit jari bapanya. Bila sudah dewasa dan kaya raya, orang tua tidak dihiraukan.

Daim turut mencadangkan CEO menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan jika tidak mahu menghadapi kehilangan kerja atau pemotongan gaji, seperti dialami ramai orang. "Mungkin kita perlu mendapatkan doktor untuk memeriksa kepala mereka bagi melihat apa yang sebenarnya berlaku," katanya.

Setelah pelbagai usaha dilakukan untuk mengukuhkan sektor perbankan tempatan, kedudukan bank dijangka lebih baik pada 1999 dan 2000 apabila nisbah wajaran risiko (RWCR) diunjurkan terus meningkat serta NPL semakin menurun.

Sememangnya, sebelum krisis kewangan melanda rantau ini pada Julai 1997, sistem perbankan negara adalah kukuh dan antara yang terbaik di rantau ini dengan kadar RWCR keseluruhannya 12 peratus.

Bank adalah tulang belakang ekonomi sesebuah negara. Runtuhnya bank, maka runtuhlah ekonomi negara apabila aliran wang terbantut dan kesannya kepada industri lain menjadi parah.

Sehingga akhir Disember 1998, Danaharta sudah membeli dan menguruskan NPL bernilai RM15.1 bilion daripada bank tempatan. Ia merangkumi 20 peratus daripada jumlah NPL sektor perbankan tempatan. Sekiranya NPL yang dibeli daripada institusi kewangan lain diambil kira, jumlah NPL yang dibeli dan diuruskan oleh Danaharta adalah sebanyak RM21.7 bilion.

Danamodal pula sudah menyuntik RM6.15 bilion ke dalam 10 institusi perbankan. Hasilnya, nisbah risiko kecukupan modal bank berada pada purata lebih 12 peratus daripada keperluan minimum lapan peratus. Ini bermakna sesebuah bank itu kukuh, mampu melindungi wang penyimpan dan berupaya memberi pinjaman.

Adalah diharapkan bank mengubah dasar dan pendekatannya. Kegagalan

mencapai sasaran pertumbuhan pinjaman lapan peratus menjelang akhir tahun ini, mungkin turut menjejaskan pertumbuhan negara. Unjuran rasmi pertumbuhan positif satu peratus ekonomi negara bagi tahun ini, juga amat bergantung kepada pencapaian pertumbuhan pinjaman lapan peratus itu.

(END)